

180 sertai kejohanan golf maraton 27 lubang

SERAMAI 180 peserta mengambil bahagian dalam kejohanan golf Trofi Tunku Imran 2012, golf maraton 27 lubang yang berlangsung di Staffield Country Resort baru-baru ini.

Sambutan pada tahun ini amat menggalakkan dan mencatat sejarah dengan penyertaan tertinggi setakat ini, hingga penganjur terpaksa mengehendakan penyertaan.

Kejohanan kali ke-17 ini adalah kesinambungan tradisi yang bermula sejak 17 tahun yang lalu atas inisiatif Tan Sri Tunku Imran Tuanku Jaafar. Penyertaan terbuka kepada ahli kelab dan jemputan.

Edisi kali ini dirasmikan

Datuk Seri Tunku Naquiyuddin Tuanku Jaafar yang turut sama mengambil bahagian dalam kejohanan itu. Kejohanan ini dibahagikan kepada beberapa kategori, yang mana mod permainannya berdasarkan lubang-lubang tersembunyi bagi mendapatkan handikap. Walaupun permainan terpaksa dihentikan buat beberapa ketika kerana hujan yang lebat, peserta terus bersemangat untuk terus menamatkan permainan sebaik ia disambung semula.

Dalam kategori gross lelaki, Zaiful Nizam (handikap 10) muncul juara dengan mengumpul 117 pukulan. Tempat kedua Zainuddin Ahmad (10) dengan

118 pukulan (kiraan semula) dan Tan Kai Lim (10) ketiga. Leslie Ooi pula menjuarai kategori nett dengan mengumpul 103.4 mata, diikuti Amiruddin Ali kedua (106.8 mata).

Pemenang bagi kategori gross wanita menyaksikan Agness Lee (handikap 17) muncul juara dengan catatan 125 pukulan, manakala Kim Han Hi (14) naib juara dengan 129 pukulan. Bagi kategori nett wanita, Siti Khalijah Ibrahim di tempat pertama dengan jumlah pukulan 110.6 mata dan kedua Linda Bala (110.8 mata). Jamaluddin Shamsuddin pula memenangi kategori jemputan dengan 105.6 mata.



TAHNIAH...Tunku Imran (kanan) menyampaikan hadiah kepada Zaiful.